



**FAKULTI PERHUTANAN**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, 43400 UPM SERDANG SELANGOR  
TEL: .03-89467171 FAX: .03-89432514

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

**Cadangan Mengadakan Memorandum Persefahaman antara  
Universiti Putra Malaysia dengan  
Moscow State Forest University, Russia**

**1.0 Tujuan**

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti mengenai cadangan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Moscow State Forest University (MSFU), Moscow, Russia.

**2.0 Latar Belakang**

- 2.1 Satu perbincangan jaringan kerjasama telah dijalankan di antara UPM dengan Moscow State Forest University pada 15 September 2011 semasa Fakulti Perhutanan dijemput mewakili Malaysia di dalam International Junior Forestry Contest. Seramai dua (2) pelajar tahun satu (1) Program Bachelo Sains Perhutanan telah mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut yang telah dianjurkan oleh Russian Central Forestry Agency dengan kerjasama Moscow State Forest University.
- 2.2 Ekoran daripada perbincangan tersebut, Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Hamzah telah berhubung dengan Jabatan Antarabangsa Moscow State Forestry University, iaitu Pn. Marina Mukovnina beberapa kali melalui email dan akhirnya pada 16 Disember 2011, cadangan MoU daripada pihak MSFU diterima bagi mengeratkan jaringan kerjasama dalam penyelidikan dengan UPM serta mengadakan kerjasama akademik antara dua belah pihak, khususnya bagi program pertukaran staf dan pelajar, dan penyelidikan bersama dan mobiliti pelajar pra-siswazah.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UPM ke-439 pada 9 Mei 2012 telah bersetuju memperakukan cadangan yang dikemukakan oleh pihak Fakulti Perhutanan bagi UPM menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Moscow State Forest University dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan.

### 3.0 Maklumat Mengenai Moscow State Forest University, Russia

- 3.1 Moscow State Forest University (MSFU) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang paling berprestij dan tertua di dalam pengajian berkaitan perhutanan di Russia dan ia juga merupakan salah sebuah institusi yang melatih kakitangan kejuruteraan, saintis serta sarjana muda dan sarjana bagi industri hutan, pemprosesan kayu dan industri pulpa dan kertas dan pusat utama pendidikan dan saintifik hutan di Russia. Ianya telah ditubuhkan seawal tahun 1919. Bidang pengajian terutamanya berpusatkan pada disiplin yang berkaitan dengan perhutanan, dengan ciri-ciri khas dan kecemerlangan dalam mata pelajaran alam sekitar dan biologi. Moscow State Forest University juga menawarkan program ijazah dalam bidang perhutanan, landskap, teknologi mekanik dan kimia kayu, ekonomi, hubungan antarabangsa, sains komputer dan kemanusiaan. Moscow State Forest University terdiri daripada 10 Fakulti, 58 jabatan, 5 institut penyelidikan saintifik, nurseri pokok di Schelkovo, institut perdagangan dan pelaburan di dalam kompleks hutan, 29 cawangan jabatan dalam perusahaan, 2 pusat sijil, pengajian siswazah dan kedoktoran, sekolah antarabangsa perniagaan dan pengurusan.
- 3.2 Moscow State Forest University terletak di Mytishi, Moscow, Russia dan merupakan universiti mempunyai kerjasama panjang dan rapat dengan banyak institusi pendidikan dan saintifik yang sama di Great Britain, Amerika Syarikat, Vietnam, China, Bulgaria, Jerman, Perancis, Finland, Serbia dan Montenegro, Iran, Mongolia dan lain-lain. Ia telah mendidik pelajar antarabangsa untuk beberapa dekad melalui pelbagai program pendidikan dan penyelidikan.
- 3.3 Moscow State Forest University mempunyai lebih dari 10,000 pelajar siswazah dan 400 pelajar pasca-siswazah.
- 3.4 Moscow State Forest University pernah menganjurkan konferensi antarabangsa mengenai nano teknologi dan giat menjalankan penyelidikan saintifik dalam bidang penggunaan, pemuliharaan dan pembiakan sumber hutan, seni bina landskap dengan perkembangan teknologi optimum penggunaan hutan dari segi memperhebatkan industri hutan, bahan komposit baru berasaskan penggunaan sumber hutan dan produk kayu, pembangunan teknologi hutan dan industri pemprosesan kayu, ekonomi dan menubuhkan sistem kawalan automatik dalam hutan, ciptaan mengawal sistem pengukuran dan pengiraan berasaskan mikroelektronik penting mikropemproses dan robotik.
- 3.5 Moscow State Forest University mempunyai jalinan kerjasama dengan pelbagai universiti di peringkat antarabangsa di rantau Asia; universiti ini telah

menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 6 universiti di Asia seperti berikut:

- 3.5.1 Shahid Rejaee University, Iran
- 3.5.2 University of South Kazakhstan, Kazakhstan
- 3.5.3 Northeast Forest University, China
- 3.5.4 Tajik Agricultural University, Tajikistan
- 3.5.5 Beijing Forestry University, China
- 3.5.6 College of Agricultural and Life Sciences on Seoul National University, Republic of Korea

#### **4.0 Aktiviti yang telah dijalankan Antara Universiti Putra Malaysia dengan Moscow State Forest University, Russia**

##### 4.1 Aktiviti yang telah dilaksanakan:

- 4.1.1 Satu perbincangan oleh Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim, Dekan dan Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Hamzah, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan), Fakulti Perhutanan, UPM dengan wakil dari Moscow State Forest University, Tatyana Znamenskaya dan Marina Mukovkina telah diadakan pada 15 September 2011 tentang kolaborasi dan perjanjian persefahaman (MoU).

##### 4.2 Cadangan aktiviti pada masa akan datang

- 4.2.1 Pertukaran akademik (latihan / penyelidikan)
- 4.2.2 Pertukaran pelajar pasca dan prasiswazah
- 4.2.3 Menghantar pelajar pra-siswazah UPM ke Moscow State Forest University untuk program mobiliti. Moscow State Forest University telah mencadangkan bahawa dengan adanya Memorandum Persefahaman antara UPM dengan Moscow State Forest University ini, program-program yang berpotensi melahirkan siswazah yang berkaliber dan berkualiti serta program *student mobility* dapat dijadikan aktiviti tahunan. Rancangan masa hadapan Moscow State Forest University juga turut menekankan pada aspek integrasi program pengajaran dan pembelajaran pada peringkat Bachelor, Master dan PhD. Moscow State Forest University juga giat meningkatkan penglibatan penyelidik serta warga akademik untuk mewujudkan kolaborasi dalam penyelidikan antarabangsa.
- 4.2.4 Meningkatkan lagi kolaborasi dalam bidang pengajaran dan penyelidikan melalui projek-projek yang bakal dijalankan. Antara bidang-bidang yang bakal mewujudkan kerjasama antara dua pihak ialah Perhutanan, Bioteknologi, Pengurusan Hutan, Sains Perakayuan dan Ekonomi Perhutanan.

## 5.0 Faedah / Impak Kepada Pengantarabangsaan Universiti

- 5.1 Meningkatkan taraf UPM sebagai universiti yang diiktiraf oleh universiti di Russia untuk pertukaran pelajar dan akademik, menjadi *partner* dalam projek penyelidikan dan mobiliti pelajar UPM di peringkat antarabangsa. Aktiviti pertukaran pelajar yang aktif dijalankan oleh Moscow State Forest University ini perlu dipertimbangkan dalam usaha memperluaskan mekanisme UPM dalam mencari tempat-tempat bagi pelajar UPM mengadakan program pertukaran, yang akhirnya dapat mencapai matlamat memantapkan kemahiran insaniah pelajar.
- 5.2 Moscow State Forest University merupakan antara institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di Russia. Aktiviti / program pengajian, penyelidikan dan pengembangan di Moscow State Forest University adalah berteraskan konsep *global independence*. Usaha giat Moscow State Forest University untuk menjalin kerjasama erat dengan university / institusi luar, termasuk UPM, perlu diambil kira.

## 6.0 Kandungan Memorandum Persefahaman Antara Universiti Putra Malaysia dengan Moscow State Forest University, Russia

- 6.1 Pihak MSFU telah bersetuju menggunakan MoU standard yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk dijadikan sebagai dokumen asas bagi merealisasikan pembentukan hubungan antara kedua belah pihak ini (seperti ulasan dan cadangan Pejabat Penasihat Undang-undang, **Lampiran A**)
- 6.2 Draf MoU yang telah diperbaiki mengikut ulasan dan cadangan PUU (**Lampiran B**).

## 7.0 Statistik MoU di Russia

Mengikut rekod terkini, UPM tidak mempunyai rakan kerjasama dengan institusi di Rusia. Walau bagaimanapun, UPM pernah menandatangani MOU for Scientific Cooperation dengan Shemyakin-Ovchinnikov Institute of Bioorganic Chemistry, Moscow, Russia pada 30 Disember 2003. MoU ini turut disertai oleh beberapa institusi lain seperti USM, UM, dan UKM. Kerjasama dengan institusi ini telah tamat pada 30 Disember 2008 dan didapati hubungan ini mempunyai kejayaannya tersendiri, iaitu termasuklah kerjasama penyelidikan, pertukaran pelajar dan sebagainya.

**8.0 Syor**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti adalah diharap dapat mempertingkatkan dan meluluskan;

- i) Cadangan mengadakan Memorandum Persefahaman antara UPM dengan Moscow State Forest University, Russia.
- ii) Melantik Fakulti Perhutanan sebagai peneraju MoU ini.

SAMPLE